



**MAJLIS PERHIMPUNAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
DAN AMANAT KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM
TAHUN 2024**

**TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN
AWAM**

**H.E.M.A.T &
PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM**

TARIKH : 21 FEBRUARI 2024 (RABU)
**TEMPAT : AUDITORIUM JPA,
ARAS 4, BLOK C1,
KOMPLEKS C**
MASA : 9.00 PAGI – 11.00 PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada Pengacara Majlis, Penaik Bendera, Pembaca Ikrar, Pembaca Doa dan Kumpulan Koir JPA.

SALUTASI

[Salutasi disediakan berasingan]

UCAPAN ALUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berkumpul di dalam **Majlis Perhimpunan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tahun 2024** pada pagi ini.

2. Semenjak dilantik menjadi Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), perhimpunan bulanan pada pagi ini merupakan kesempatan pertama kepada saya untuk berjumpa, menyampaikan amanat hala tuju baharu, dan seterusnya beramah mesra dengan warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

3. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Penyelidikan Perancangan dan Dasar (BPPD), JPA selaku urus setia yang menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan JPA dan Amanat KPPA Tahun 2024. Sesungguhnya, tradisi penganjuran perhimpunan setiap bulan ini adalah amat baik dan sewajarnya diteruskan. Ini merupakan platform penting kepada pihak Pengurusan Atasan JPA untuk menyampaikan perkembangan mengenai segala dasar dan hala tuju yang ditetapkan oleh Kerajaan kepada warga kerja JPA khususnya, dan para penjawat awam amnya.

CABARAN MEGATRENDS DALAM PERKHIDMATAN AWAM

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan yang saya kasihi sekalian,

4. Dewasa ini, istilah “cabaran *Megatrends*” semakin mendapat perhatian semua pihak, dan sering

diperkatakan dalam pelbagai peringkat forum dan diskusi. Isu ini turut dibincangkan dalam Sesi Permukiman Jemaah Menteri pada 17 hingga 18 Januari 2024 yang lalu. Sebanyak **lima (5) cabaran *Megatrends* global** telah dibentangkan iaitu **perubahan iklim, era pasca pembangunan, keterasingan sosial, konfrontasi multi lateralisme, dan kecerdasan buatan (AI) generatif.**

5. Dalam konteks Perkhidmatan Awam di Malaysia, sebanyak **empat (4) Cabaran *Megatrends* baharu** telah dikenal pasti sebagaimana dijelaskan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) di dalam Majlis Amanat KSN pada 13 Februari 2024 yang lalu iaitu **Pemecahan (*Fragmentation*), Ketidakseimbangan (*Disequilibrium*), Persaingan (*Contestation*) dan Penyesuaian (*Adaptation*).** Cabaran Pemecahan merujuk kepada isu kepantasan **penyebaran maklumat tanpa kawalan kesahihannya**, yang menatijahkan penciptaan ruang kebencian di kalangan masyarakat. Daripada segi **Cabaran Ketidakseimbangan** pula, pelaksanaan dasar yang tidak memenuhi keperluan rakyat mewujudkan **situasi *mismatch*** yang seterusnya merugikan negara.

6. Manakala, **Cabaran Persaingan** yang berakar umbi daripada pemecahan tadi, akan mewujudkan **persaingan dalam dan antara organisasi**, yang akhirnya tidak menguntungkan negara. Selanjutnya, cabaran keempat iaitu **Penyesuaian** melibatkan **aspek teknologi**. Elemen ini semakin berkembang di seluruh dunia, yang berupaya meningkatkan produktiviti dan ekonomi jika kita menguasainya, dan akan menyebabkan **negara menjadi mundur sekiranya kita gagal** untuk bersama-sama di dalam arus perubahan ini.
7. Saya ingin memberikan contoh mengenai inisiatif Kerajaan dalam memperkasakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan tenaga mahir tempatan yang mampu memenuhi keperluan modal insan industri. Penganjuran latihan ini dilaksanakan oleh sebanyak sebelas (11) kementerian, yang melibatkan bajet tahunan sekitar RM7 bilion setahun. Namun, adakah pernah kita terfikir, sejauh manakah graduan TVET ini berjaya mendapat pekerjaan dalam industri? Berdasarkan rekod semasa, hanya lebih kurang 40 peratus sahaja graduan ini berjaya mendapatkan pekerjaan dalam industri.
8. Mengapakah situasi ini terjadi? Di manakah silapnya? Sebegitu banyak kementerian menjalankan program

TVET yang menjurus kepada kecelaruan, ketidakseragaman, dan pada masa yang sama mewujudkan persaingan yang tidak sihat. Mungkin, sesi libat urus yang diadakan bersama pemain industri hanya bersifat *segmental* dan bukannya secara holistik. Kelompangan ini sebenarnya mengakibatkan berlakunya *mismatch* antara keperluan tenaga mahir secara terperinci dalam industri dengan penyediaan modal insan TVET yang berkemahiran.

9. Justeru, **kepimpinan sektor awam** harus peka dengan Cabaran *Megatrends* ini, serta kesannya kepada Perkhidmatan Awam di Malaysia. Kita perlu segera **membangunkan kompetensi baharu** seperti celik digital dan data, serta **kebijaksanaan emosi** dalam menyelesaikan permasalahan kompleks. Kita juga perlu **mereka bentuk semula organisasi** agar sistem penyampaian perkhidmatan semakin cekap dan sentiasa relevan. Seterusnya, kita perlu **membangunkan model kepimpinan baharu** dengan mengambil kira aspek kolaboratif dan inklusif.

HALA TUJU DASAR-DASAR NEGARA

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Sejak setahun yang lalu menerajui kepimpinan negara, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan dasar baharu iaitu **Malaysia MADANI**. Sebanyak enam (6) rukun telah digariskan, iaitu **Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan**. Kesemua rukun ini sebenarnya dapat kita terjemahkan menjadi nilai-nilai penting untuk dipegang dan diamalkan dalam perkhidmatan Sektor Awam.
11. Lanjutan daripada itu, Kerajaan turut memperkenalkan Kerangka Strategik Malaysia MADANI dan Dokumen **Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat**. Dasar ini bertujuan untuk menstrukturkan semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sebanyak tujuh (7) sasaran jangka sederhana telah ditetapkan bagi meningkatkan daya saing negara dalam aspek ekonomi, serta meningkatkan keyakinan pelabur luar negara ke atas kualiti ekosistem perniagaan kita. Sebagai mencapai sasaran ini, sebanyak tiga (3) teras strategik telah digariskan berdasarkan Kerangka Strategik Malaysia MADANI.
12. Dalam sektor Perkhidmatan Awam, teras strategik kedua iaitu “**Reformasi Institusi dan Tata Kelola**” perlu kita fahami dan hayati bersama. Antara sasaran teras strategik

ini adalah untuk **memperkukuhkan perundangan** bagi menangani **isu rasuah**, meningkatkan **keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan bajet dan pengurusan projek**, menyegerakan **transformasi digital**, serta menambah baik **kemampuan fiskal**.

13. Sebagai Penjawat Awam, kita perlu sentiasa peka dengan dasar dan hala tuju kepimpinan negara. Fokus dan cara kerja kita tidak boleh hanya terikat dengan praktis sedia ada. Sepertimana yang selalu disebut oleh YAB Perdana Menteri, kita perlu sentiasa “**berfikir di luar kotak**” untuk menyemak, meneliti dan membuat pembaharuan tugas. Keadaan ini akan menghasilkan kualiti tugas yang berupaya untuk **menjangkau dan seterusnya melangkaui sasaran** yang ditetapkan Kerajaan.
14. Lihat sahaja contoh komitmen yang diberikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) sejak beliau dilantik pada tahun 2020. Beberapa aspirasi telah diperkenalkan, sesuai dengan situasi yang dihadapi negara pada satu-satu masa. Seingat saya, **sebanyak empat (4) aspirasi telah digariskan oleh YBhg. Tan Sri KSN** yang bersesuaian dengan situasi dan tuntutan semasa.

15. Pertama, “**Kepercayaan untuk Berkhidmat**” pada 2020 yang bertujuan menangani isu Daulah Terpendam Penjawat Awam terhadap Kerajaan pada ketika itu. Kedua, “**FASTER**” pada 2021 yang berfokus kepada penyegeraan pelaksanaan tugas ketika negara berhadapan dengan pandemik Covid-19 dan kekangan ekonomi dek Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Aspirasi ketiga iaitu “**SWIFT**” pada 2022 diilhamkan sebagai tujuan untuk menggerakkan kembali Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memulihkan semula ekonomi negara. Pada tahun 2023, YBhg. Tan Sri KSN memperkenalkan “**The G.R.E.A.T. Civil Service**” sebagai mekanisme penyampaian perkhidmatan bagi mendukung dasar Malaysia MADANI.
16. Dalam amanat beliau baru-baru ini juga, YBhg. Tan Sri KSN menyebutkan bahawa kita semua adalah Benteng Negara. Ini adalah sebagaimana lagu Perkhidmatan Awam yang selalu kita nyanyikan dalam pelbagai majlis rasmi Kerajaan.
17. Hal ini sebenarnya memberikan isyarat yang jelas kepada Kerajaan bahawa Perkhidmatan Awam sentiasa bersikap profesional, dan menyokong segala dasar yang

ditetapkan, serta bersedia untuk melaksanakan ketetapan ini dengan strategi-strategi yang ampuh dan berkesan. Seharusnya, warga JPA perlu menghayati komitmen oleh kepimpinan tertinggi sektor Perkhidmatan Awam, dan menggerakkan perancangan yang memenuhi segala hasrat yang ditetapkan.

CABARAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI MENJAYAKAN DASAR-DASAR NEGARA

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan sekalian,

18. Dalam konteks penjawat awam, saya telah mengenal pasti sebanyak **tujuh (7) cabaran utama** yang dihadapi oleh kita semua. Pertama, kita berhadapan dengan cabaran **modal insan yang kurang kompeten**. Situasi ini menyebabkan kepimpinan organisasi menjadi tidak berkesan, dan seterusnya tenaga kerja di sesebuah organisasi tidak berupaya menyediakan penghasilan tugas yang memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan semasa. JPA perlu memikirkan **lebih banyak inisiatif baharu yang sesuai kehendak semasa** dalam meningkatkan kompetensi dan kualiti diri Penjawat Awam.
19. Kedua, kita juga berhadapan dengan **penarikan dan pengekalan bakat terbaik** di sesebuah organisasi. Hal ini

merujuk kepada masalah pusing ganti (*turnover*) pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran tertentu ke sektor lain seperti swasta, yang tentunya dipengaruhi dengan tawaran gaji yang lebih lumayan. Mungkin, sudah sampai masanya kita perlu mewujudkan **suasana kerja yang lebih fleksibel**, serta berusaha untuk meningkatkan pembangunan kerjaya sektor Perkhidmatan Awam dari sudut **upskilling dan reskilling** yang dapat memberikan nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Saya yakin, kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang sedang kita laksanakan telah pun meneliti sedalam-dalamnya akan isu ini.

20. Cabaran ketiga pula adalah daripada segi **jurang antara kementerian dan jabatan**. Situasi ini berlaku disebabkan oleh mentaliti bekerja secara silo yang masih menebal dalam sesebuah organisasi, yang menyebabkan tiadanya penyelarasan hingga menyaksikan pelbagai agensi menjalankan fungsi yang sama. Justeru, kita perlu **meneliti semula fungsi-fungsi setiap kementerian dan jabatan**, supaya tidak berlaku pertindihan peranan ini. Mungkin, idea **penyediaan bajet berasaskan strategi dan bukan sekadar pada program-program berasingan** perlu kita terokai agar perbelanjaan bagi

setiap program menjadi lebih teratur, lancar, cekap dan menjimatkan dana Kerajaan.

21. Keempat, **organisasi yang tidak kejut**. Situasi ini menyebabkan berlakunya pertindihan fungsi dan tugas. Pada masa yang sama, terlalu banyak lapisan "*chain of command*" menyebabkan berlakunya masalah *red tape*. Akhirnya, pelaksanaan sesuatu tugas dan perkhidmatan menjadi lambat dan terkekang dengan kerenah birokrasi.

22. Kita juga masih lagi dibayangi dengan **penyampaian perkhidmatan secara konvensional**. Meskipun sudah banyak aplikasi digital dibangunkan, hakikatnya budaya ini masih belum menyeluruh. Masih terdapat beberapa perkhidmatan tertentu yang mengamalkan pengisian borang secara manual, yang sudah tentu memakan masa yang panjang untuk diselesaikan. Pada masa yang sama, kita juga memerlukan ruang yang besar bagi tujuan penyimpanan semua borang ini untuk suatu tempoh masa tertentu. Justeru, JPA perlu tampil ke hadapan untuk merangka suatu strategi, kaedah dan tatacara tertentu dengan beberapa buah jabatan Kerajaan yang lain bagi **usaha digitalisasi penyampaian perkhidmatan** kepada rakyat.

23. Cabaran keenam adalah isu **integriti dan akauntabiliti**. Sering kali kita lihat di kaca televisyen dan dengar di radio, terdapat ramai Penjawat Awam dijatuhkan hukuman mahkamah atas kesalahan rasuah. Isu ini sememangnya mencalarkan imej Perkhidmatan Awam di mata Kerajaan dan rakyat. Justeru, seharusnya kita **mengkaji isu ini sehingga ke akar umbi** akan punca yang menyebabkannya, serta menggerakkan **inisiatif-inisiatif baharu yang lebih berkesan** dalam menanganinya.
24. Dan yang terakhir, cabaran daripada segi **bebanan kewangan kepada Kerajaan**. Sejak kebelakangan ini, isu pencen Penjawat Awam menjadi panas dan sering diperdebatkan oleh pelbagai pihak. Kita perlu memikirkan **kaedah yang berkesan serta pelbagai** untuk memberikan **penjelasan, penerangan dan pendidikan** kepada masyarakat umum di luar sana. Satu lagi, isu yang perlu dilihat semula adalah mengenai **sistem saraan yang tidak berasaskan kepada produktiviti**. Mungkin, beberapa **inisiatif baharu** perlu kita teroka dan diambil kira dalam **penambahbaikan kajian SSPA** yang sedang dijalankan.

H.E.M.A.T SEBAGAI ASPIRASI BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

25. Apabila hari pertama saya memikul amanah sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), saya telah bertekad untuk memikul tanggungjawab besar ini berasaskan kepada tiga (3) prinsip iaitu “**Facilitate, Accommodate and Accelerate**”. **Facilitate** bermaksud kita perlu **memudahkan urusan** yang melibatkan *stakeholders* dan pelanggan. **Accommodate** pula merujuk kepada bagaimana kita **menyesuaikan cara kerja** kita agar selari dengan agenda Kerajaan semasa. Manakala, **Accelerate** mempunyai perkaitan dengan kepantasan bekerja. Oleh itu, kita perlu **menyegerakan pelaksanaan segala keputusan Kerajaan**, agar inisiatif-inisiatif yang kita jalankan dapat sampai secara cepat dan dapat dirasakan oleh rakyat.

26. Dalam tempoh lebih sebulan saya berkhidmat di JPA, saya banyak membuat pemerhatian untuk memahami fungsi, peranan dan bidang tugas JPA. Berdasarkan penelitian saya, sudah tiba masanya penjawat awam memerlukan suatu **nilai baharu sebagai pegangan dan panduan** dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Nilai ini perlu sejajar dengan dasar Malaysia MADANI dan

aspirasi “The G.R.E.A.T. *Civil Service*”, agar implementasi nilai baharu ini kelak dapat memenuhi segala hasrat yang telah digariskan.

27. Justeru, suka untuk saya memperkenalkan nilai baharu bagi para penjawat awam iaitu **HEMAT**. Dari sudut tafsiran, HEMAT membawa dua (2) maksud, iaitu sikap Penjawat Awam dalam membelanjakan dana awam secara berjimat-cermat dan tidak boros. Daripada segi sifat pula, HEMAT bermakna cara Penjawat Awam menjalankan tugas dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam. Secara mudahnya, dapatlah kita fahami bahawa HEMAT ini merujuk kepada **kewaspadaan kita dalam tindakan, serta ketelitian kita dalam pelaksanaan segala tugas** yang diamanahkan.

28. Untuk makluman hadirin sekalian, akronim HEMAT terdiri daripada kombinasi beberapa nilai yang diwakilkan oleh setiap huruf di dalamnya. Huruf “H” merujuk kepada “**Hijrah Tata Kelola**”, yang mengehendaki kita untuk sentiasa berani berhijrah menerusi **kepekaan dengan tuntutan perubahan** semasa, menjalankan tugas dengan **rapi, cekap** dalam pelaksanaan tugas, dan mengamalkan **komunikasi secara efisien**.

29. Huruf “E” pula merujuk kepada “**Empati Rakyat**”. Dalam hal ini, Penjawat Awam perlu sentiasa **mendengar dan memahami permasalahan** rakyat, sentiasa **prihatin** dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan **kesejahteraan kepada rakyat**.
30. Manakala, huruf “M” merujuk kepada “**Minda Pekin**”. Dalam konteks ini, Penjawat Awam perlu sentiasa bersikap **cermat** dalam membelanjakan dana awam, sentiasa **kreatif dan inovatif** dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda “**value for money**”, dan menjalankan tugas secara **kerjasama strategik** antara organisasi.
31. Selanjutnya, huruf “A” pula saya rujuk sebagai “**Apresiasi Inovasi**”. Perkhidmatan Awam amat memerlukan budaya ini. Kita perlu sentiasa menyokong dan menghargai perkembangan **idea-idea baharu** bagi memperkasakan Perkhidmatan Awam, **meneroka pelbagai inisiatif baharu** yang bersesuaian dengan kehendak semasa, dan berusaha untuk **memartabatkan inisiatif digital** baharu yang efisien.
32. Yang terakhir adalah huruf “T”. Nilai ini merujuk kepada “**Telus Tadbiran**”, yang mana kita perlu berusaha untuk

menyematkan **nilai-nilai integriti** dalam menjalankan tugas seharian, sentiasa membudayakan amalan **semak dan imbang** bagi melancarkan pelaksanaan tugas, dan **meraikan pandangan luar** yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan.

33. Sebagai menjayakan HEMAT, ingin saya gariskan kerangka pembaharuan perkhidmatan awam yang bertunjangkan **empat (4) Teras Strategik** yang perlu dilaksanakan. Kesemua teras strategik ini akan menjadi keutamaan pelaksanaan JPA pada 2024. Teras-teras strategik tersebut adalah **“Pemantapan Modal Insan Terbaik Perkhidmatan Awam”** berkait rapat dengan kajian SSPA yang sedang kita laksanakan, **“Pemeriksaan Organisasi yang Tangkas dan Kejat”** (*Lean and Agile*) yang melibatkan rasionalisasi saiz dan perjawatan Sektor Awam, **“Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan”** yang melibatkan penerapan kecerdasan buatan (AI) di dalam sistem HRMIS, dan **“Pembudayaan Nilai dan Budaya Baharu Penjawat Awam”** yang melibatkan implementasi pelbagai inisiatif baharu selaras dengan Malaysia MADANI, *“The G.R.E.A.T. Civil Service”* dan HEMAT.

34. Sebagai merealisasikan hasrat ini, saya berharap agar kepimpinan dan seluruh warga JPA sentiasa berganding bahu untuk **memperbanyakkan lagi sesi libat urus (*engagement*)** yang melibatkan *cross sectoral/division*, memupuk **budaya *sense of ownership*** ke atas segala dasar, pekeliling, inisiatif ataupun program yang kita perkenalkan, serta **menginstitusikan perubahan**. Dalam hal ini, budaya kerja sepasukan serta penglibatan *task force* merupakan pendekatan yang sangat sesuai untuk kita laksanakan dalam memastikan kejayaan sesuatu inisiatif yang digerakkan.
35. Disoroti kembali semasa pertemuan kali pertama saya dengan kepimpinan JPA, saya telah menyatakan pendirian yang saya pegang iaitu, **“usah bekerja dengan saya, tetapi bekerjalah bersama-sama saya”**. Bertitik tolak daripada prinsip tersebut, saya ingin menganjurkan agar JPA turut mempunyai suatu moto baharu sebagai usaha memupuk budaya semangat kebersamaan dalam melaksanakan tugas.
36. Justeru, moto baharu yang akan kita semat dalam sanubari adalah **# Seiring Sepakat**. Moto ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap warga JPA tanpa mengira Bahagian, Seksyen mahupun Unit untuk membudayakan **amalan kerja secara bersama-sama**,

sentiasa **bersedia dan bersemangat** untuk **menjalinkan kerjasama**, dalam **mencapai matlamat** yang ditetapkan. Tekad baharu ini sepatutnya digerakkan sebagai satu kontinum, yang saling menyokong antara satu sama lain. Sebagai peneraju Perkhidmatan Awam di Malaysia, seharusnya kita perlu menjadi contoh yang baik dalam memikul amanah dengan mengoptimumkan modal insan, peruntukan dana awam dan aset sedia ada.

37. Oleh itu, **JPA perlu dinamik** dan sentiasa memenuhi keperluan perubahan zaman. Kita perlu **meneliti** segala inisiatif dan proses kerja sedia ada, **menganalisis** keperluan masa kini, dan **menjenamakan semula** program/peraturan yang sudah lapuk. Untuk itu, saya memberikan **tempoh selama sebulan** kepada **semua Bahagian di JPA** untuk merangka dan **mencadangkan inisiatif-inisiatif baharu** bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan. Bahagian Penyelidikan Perancangan dan Dasar (BPPD), JPA akan bertindak sebagai koordinator bagi tugas ini. Selanjutnya, segala perancangan baharu ini akan diputuskan oleh Pengurusan Tertinggi JPA bagi tujuan pelaksanaan.

PENUTUP

YBhg. Dato’/Dr./Tuan/Puan yang saya kasihi sekalian,

38. Adalah diharapkan, tahun 2024 ini membuka satu lembaran baharu kepada seluruh warga JPA dalam memperkemaskan lagi sistem penyampaian perkhidmatan. Ingatlah, paksi utama gerak kerja kita adalah berdasarkan **Malaysia MADANI**, mekanisme pelaksanaannya pula adalah melalui “**The G.R.E.A.T. Civil Service**”, dan nilai-nilai penting yang perlu dipegang adalah melalui **HEMAT**. Manakala, cogan kata **# Seiring Sepakat** pula merupakan budaya baharu kebersamaan kita dalam menjayakan segala agenda negara ini.
39. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kehadiran YBhg. Dato’/Dr./Tuan/Puan barisan kepimpinan tertinggi dan seluruh warga JPA pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tahun 2024 pada pagi ini. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Penyelidikan Perancangan dan Dasar (BPPD), JPA yang bertindak selaku urus setia bagi menjayakan program kita pada hari ini. Semoga segala amanat yang dititipkan, serta hala tuju baharu yang telah saya gariskan akan dapat

diserap dan diasimilasikan oleh YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam memastikan JPA berada dalam kelas tersendiri sebagai peneraju perubahan Perkhidmatan Awam di Malaysia.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- TAMAT -

(2,728 patah perkataan tidak termasuk saluti)